

Kumpulan sukarelawan yang diketuai oleh Quek Chieh Kai, 21 pelajar program ekonomi berkata, peluang sebegini jarang diberi kerana inilah masanya pihak hospital memerlukan ramai petugas terutama menjelang perayaan.

“Kami sebelum ini mempelajari ilmu pertolongan cemas dan cara membantu mangsa jalanraya secara teori tetapi tidak berpeluang untuk menjalani latihan amali atau mengalami keadaan sebenar kejadian, jadi inilah peluang bagi kami untuk mencari pengalaman,”ujarnya ketika ditemui semasa menjalani latihan sebagai persediaan sebelum bertolak ke HSB pagi tadi.

Manakala rakannya Low Chee Keong, 21 yang berasal dari Kuantan, Pahang berkata, walaupun pelajar universiti ini diberikan cuti selama dua minggu tetapi beliau memilih untuk menyertai pasukan sukarelawan ini kerana peluang seperti ini jarang diperolehi.

“Saya rasa inilah masa untuk menimba pengalaman bagaimana terpaksa mengorbankan masa cuti bersama keluarga dengan membantu mereka yang memerlukan pertolongan,”katanya.

Bagi Ch’ng Chee Keong, 21 dari Dewan Penginapan Pelajar Yayasan Albukhary penyertaan sebegini amat dinanti kerana pengguna jalanraya menjelang perayaan setiap tahun terbabit dengan kecelakaan jalanraya amat tinggi dan pihak hospital pula memerlukan kerjasama dan bantuan dari pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti St John Ambulans Malaysia dan sukarelawan yang sanggup membantu mereka.

“Kami bukanlah pakar tetapi dengan peluang yang diberikan oleh pihak hospital ini secara tidak langsung dapat membantu kami untuk terus belajar bukan sahaja dalam mengamalkan pertolongan cemas malah bersedia untuk memberi khidmat sekiranya diperlukan pada bila-bila masa sahaja,”sambunganya.

Sementara itu Pengarah Pusat Kesihatan UUM Dr Mohamad Sanuri Rahamad yang dihubungi berkata, pasukan Smart Team yang dihantar ini adalah terdiri dari kalangan pelajar universiti yang berminat dalam pertolongan cemas.

Katanya mereka ini telah mendapat latihan dari segi pertolongan cemas dan cara untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Namun bagi memberi pendedahan yang lebih baik mereka seharusnya ditempatkan dan menyertai khidmat seperti bertugas di unit kecemasan hospital bagi mengalami sendiri bagaimana proses yang dijalankan semasa membantu mangsa yang memerlukan bantuan.

“Kita berterima kasih kepada pihak HSB kerana memberi peluang kepada pelajar kita untuk bersama kakitangannya untuk bertugas dimusim-musim perayaan seperti ini,”katanya lagi.

Dalam pada itu Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar Prof Madya Dr Amy Azhar Mohd Harif ketika dihubungi berkata, kesanggupan pelajar untuk mengorbankan cuti semester mereka untuk menjalankan kerja sukarela sebegini amat dipuji.

“Pihak Hep memberi elaun makan kepada semua mereka dan pihak PKU pula menyediakan kemudahan pengangkutan dari Sintok ke HSB,”katanya.

Mereka ini akan yang bertugas selama 24 jam setiap hari dibahagikan kepada dua kumpulan dan ditempatkan selama seminggu mulai malam ini di unit kecemasan hospital itu.

Habis.